

En. Jamali Md Sah

Dekan PPK Pembuatan

Assalamualaikum w.b.t. Ribuan terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama MyKUKUM pada kali ini. Umum mengetahui En. Jamali merupakan Dekan di PPK Pembuatan. Bolehkah En. Jamali ceritakan serba sedikit tentang PPK sejak awal penubuhan sehingga kini?

Waalaikumussalam w.b.t. Pada peringkat awal penubuhan pusat pengajian ini, di antara tugas-tugas utama yang telah dilakukan oleh staf-staf akademik dan juga pentadbiran yang ada pada ketika itu adalah menyediakan keperluan pengajaran serta kemudahan pembelajaran bagi program pertama yang ditawarkan oleh pusat pengajian iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Pembuatan).

Keperluan pengajaran yang dimaksudkan termasuklah nota-nota kuliah dan modul-modul makmal manakala kemudahan pembelajaran pula termasuklah makmal-makmal yang diperlukan untuk kursus-kursus teras kejuruteraan yang ditawarkan oleh pusat pengajian dan dilengkapi dengan peralatan-peralatan dan mesin-mesin yang sesuai dan mencukupi. Alhamdulillah, kerjasama yang diberikan oleh staf dan juga pihak pengurusan tertinggi KUKUM telah banyak membantu saya bagi memastikan kerja-kerja ini dapat dilakukan dengan sebaik mungkin. Pada awal tahun 2003, pusat pengajian hanya mempunyai 12 orang staf akademik dan staf sokongan tetapi kini jumlah tersebut telah bertambah menjadi 30 orang termasuklah dua orang profesor yang baru sahaja menyertai kita.

Jika dilihat kepada fokus yang diberikan pada peringkat awal penubuhan pusat pengajian dan sekarang, ianya adalah berbeza. Staf-staf akademik terutamanya pensyarah-pensyarah telah mula melibatkan diri dalam melakukan beberapa penyelidikan. Tetapi usaha-usaha ini masih perlu dipertingkatkan lagi bagi memastikan objektif yang disasarkan oleh pusat pengajian dan KUKUM amnya akan tercapai. Tetapi tanggungjawab dalam membangunkan makmal-makmal dan juga menyediakan bahan-bahan pengajaran masih lagi dijalankan secara berterusan. Selain daripada itu, usaha yang dilakukan bagi membangunkan sebuah kilang mengajar di KUKUM dengan kerjasama pusat kejuruteraan masih lagi dijalankan. Diharapkan dengan siapnya kilang mengajar ini nanti, pelajar-pelajar akan mendapat pengalaman pembelajaran yang sangat berguna.

Sehingga kini apakah program-program akademik yang ditawarkan oleh PPK Pembuatan dan bagaimanakah En. Jamali melihat akan kepentingannya kepada bidang industri amnya dan KUKUM khususnya?

Sehingga kini terdapat dua program pengajian yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Pembuatan) dan Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Rekabentuk Produk). Kaedah pengajian adalah secara sepenuh masa dan mengambil masa selama 4 tahun. Terdapat seramai 114 orang pelajar Program Kejuruteraan

Pembuatan yang telah menamatkan pengajian mereka di Tahun 1 dan Tahun 2, manakala kita akan menerima kumpulan pelajar yang pertama bagi program Kejuruteraan Rekabentuk Produk pada bulan Julai 2005 ini. Pada pendapat saya, kedua-dua program ini amatlah penting kepada industri-industri tempatan kerana graduan-graduan yang bakal dihasilkan nanti akan dapat meningkatkan keupayaan industri-industri tempatan untuk bersaing secara global terutamanya dengan industri-industri yang terdapat di negara-negara ASEAN. Di samping itu, sekiranya negara kita ingin mempunyai barang atau produk-produk yang berjenama nasional dan mampu bersaing dengan jenama-jenama yang telah sedia ada, maka kebolehan mencipta, merekabentuk, menghasilkan produk dengan kos yang efektif amatlah diperlukan. Dengan konsep pembelajaran secara *lab-intensive* bagi hampir kesemua kursus-kursus kejuruteraan yang ditawarkan akan menjadikan graduan-graduan lebih bersedia menggunakan teknologi-teknologi terkini yang digunakan oleh industri.

Pada pandangan En.Jamali adakah kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang sedia ada di KUKUM ini dapat menampung jumlah pelajar yang kian bertambah?

Kemudahan pembelajaran dan pengajaran masih lagi dibangunkan bagi menampung jumlah pelajar yang meningkat pada setiap tahun. Pihak pengurusan KUKUM mengambil serius tentang pembangunan makmal, dewan kuliah serta kemudahan peralatan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan pelajar-pelajar mendapat yang terbaik semasa pembelajaran mereka di KUKUM. Pihak pengurusan juga telah mengambil inisiatif dengan membentuk satu jawatankuasa yang akan memantau kelengkapan dewan kuliah serta makmal supaya proses pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar.

Peralatan dan mesin untuk makmal-makmal masih lagi diperlukan terutamanya untuk kursus-kursus yang akan ditawarkan pada Tahun 3 dan Tahun 4. Selain itu, perpustakaan KUKUM juga telah berkembang dengan cepat sekali di mana ruang membaca telah bertambah, ruang diskusi untuk pelajar-pelajar telah pun disiapkan, koleksi buku-buku dan e-jurnal sentiasa bertambah dan syabas kepada pihak pengurusan perpustakaan yang telah berjaya melancarkan *'e-library'* baru-baru ini yang dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan untuk semua pelajar dan staf. Syabas juga kepada pihak ICT yang telah berjaya membangunkan satu rangkaian sistem internet yang baik di mana ianya telah banyak membantu staf dan pelajar-pelajar untuk berhubung, membuat rujukan dan banyak lagi kegunaan lain. Sistem ini telah menjadi begitu penting kepada KUKUM dalam membantu meningkatkan mutu perkhidmatan lebih-lebih dengan keadaan kampus-kampusnya yang berselerak.

Bagaimanakah En. Jamali melihat sikap dan prestasi pelajar-pelajar PPK Pembuatan khususnya dalam aspek penguasaan ilmu dan apakah pendekatan yang digunakan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar itu sendiri?

Kaedah pembelajaran di dalam kuliah dan makmal yang diamalkan di KUKUM pada dasarnya telah dapat membantu meningkat prestasi akademik pelajar-pelajar. Di antaranya sistem tutorial dan kerja dalam kumpulan. Sistem Rakan Pendamping Siswa (RPS) yang telah dilancarkan oleh KUKUM merupakan satu sistem yang menyeluruh untuk membantu pelajar-pelajar berjaya di dalam akademik, di samping menanamkan budaya berpasukan dan mampuni jati diri yang tinggi dan mempunyai semangat cintakan universiti. Pensyarah dan PLV juga dipertanggungjawabkan bagi memastikan prestasi pelajar-pelajar meningkat pada setiap semester dan perlu bersama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Selain daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran, apakah aktiviti/program yang dijalankan oleh PPK Pembuatan?

Beberapa aktiviti telah dijalankan oleh pusat pengajian di antaranya ialah menganjurkan forum agama semasa minggu suaikenal pelajar-pelajar baru 2003, menganjurkan aktiviti jalan kaki 10km sempena bulan kemerdekaan 2004 dan juga terlibat dengan aktiviti pameran dan promosi yang dianjurkan oleh pihak KUKUM. Pusat pengajian juga telah menyertai pertandingan *Robofest 2004* yang telah diadakan di PWTC pada tahun lepas di mana ianya adalah pertandingan mencipta robot, terbuka untuk pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. Seramai 5 orang pelajar telah menyertai pertandingan ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar dari beberapa pusat pengajian, manakala En Azaman dan En Nor Zaizmin telah menjadi penasihat kepada kumpulan ini.

Kelab Pelajar PPK Pembuatan juga telah mengadakan beberapa aktiviti pada tahun ini dan salah satu daripadanya ialah pertandingan *Paintball* untuk staf, pelajar-pelajar Tahun 2 dan Tahun 1. Tujuan pertandingan ini diadakan sebenarnya adalah untuk mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain di samping dapat mempelajari teknologi yang digunakan dalam alat permainan ini yang dipanggil *'marker'*. Dan aktiviti yang baru sahaja dianjurkan oleh pusat pengajian ialah aktiviti bergotong royong di Sekolah Kebangsaan Sri Kuala dan di rumah-rumah warga emas, Kuala Muda, Kedah pada bulan Mac yang lepas. Aktiviti ini telah dianjurkan secara bersama dengan PPK Mekatronik dan juga HEP di mana ianya merupakan salah satu daripada aktiviti-aktiviti utama RPS yang telah melibatkan semua pelajar-pelajar Tahun 2.

Apakah pendekatan dan strategik yang digunakan untuk menambah baik PPK Pembuatan bagi merealisasikan hasrat KUKUM serta perancangan pada masa akan datang?

Hubungan yang baik di antara staf adalah amat penting bagi menjadikan sesebuah organisasi itu berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dengan adanya kemesraan ini, insya Allah semua tugas dapat dijalankan dengan cara yang terbaik dan berkesan.

Setakat ini saya berbangga dengan kerjasama yang telah diberikan oleh semua staf dalam menjalankan tugas-tugas harian mereka dan juga melaksanakan aktiviti-aktiviti luar pejabat seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini. Hubungan mesra ini akan terjalin sekiranya individu-individu di dalam sebuah organisasi itu saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Dalam membuat sesuatu perancangan, pendapat-pendapat staf perlu diambil kira kerana melalui perbincangan kita akan dapat menghasilkan satu perancangan yang paling berkesan.

Bagaimanakah En. Jamali melihat akan peranan yang dapat dimainkan oleh PPK Pembuatan untuk turut serta merancakkan lagi bidang penyelidikan di KUKUM ini?

Sebagai seorang pensyarah, kita tidak boleh lari dari melakukan kerja-kerja penyelidikan di samping tugas-tugas lain seperti kuliah dan juga pentadbiran. Pusat pengajian sentiasa memberi galakan kepada pensyarah-pensyarah untuk aktif dalam melakukan kerja-kerja penyelidikan. Mungkin disebabkan oleh pengalaman pensyarah-pensyarah yang masih baru di dalam bidang penyelidikan, maka pusat pengajian berpendapat banyak lagi perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi hasil penyelidikan selaras dengan hasrat yang dikehendaki oleh KUKUM.

Walaubagaimanapun, baru-baru ini kita telah menerima seorang profesor iaitu Prof. Dr. Mohd Zaki Abdulmuin dan diharapkan beliau akan dapat membantu meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan terutamanya dalam bidang pembuatan. Dari segi pembangunan kemudahan untuk penyelidikan, saya berpendapat pusat pengajian telah berjaya menyediakan peralatan-peralatan yang bersesuaian dan mampu membantu kepada semua yang berminat untuk menghasilkan produk-produk yang berkenaan. Dengan adanya kilang mengajar yang masih lagi dalam pembangunan pada peringkat kedua, saya yakin ianya akan dapat meningkatkan lagi usaha-usaha penyelidikan di KUKUM.


Sehingga kini apakah kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh En. Jamali dalam meningkatkan pencapaian akademik di KUKUM agar setaraf dengan universiti konvensional yang sedia ada?

Pada pendapat saya, program-program yang ditawarkan di KUKUM adalah setanding dengan program-program kejuruteraan yang ditawarkan oleh universiti-universiti konvensional. Namun, terdapat perbezaan di mana kaedah pembelajaran dan pengajaran di KUKUM mempunyai komponen praktikal bagi hampir kesemua kursus-kursus kejuruteraan yang ditawarkan. Oleh itu, antara cabaran utama dalam pelaksanaan pendekatan ini ialah untuk menyediakan kemudahan makmal yang lengkap dengan peralatan yang berkaitan, sesuai dengan bahan pengajaran di dalam kuliah. Di samping itu, terdapat juga kekangan dari segi mendapatkan staf-staf yang mahir bagi mengendalikan peralatan-peralatan yang perlu digunakan di dalam makmal. Oleh itu, kita perlu merancang untuk menjadikan staf-staf supaya mampu dalam memberi perkhidmatan yang terbaik di dalam makmal-makmal yang dibangunkan. Ruang-ruang untuk makmal yang terhad juga menjadi satu kekangan yang perlu diberi perhatian serius dalam membangunkan makmal-makmal yang masih diperlukan.

Dan apa pula pandangan dan harapan En. Jamali terhadap staf umumnya dan para pelajar khasnya?

Masih banyak lagi yang kita perlu lakukan. Proses melengkapkan kurikulum pusat pengajian masih berterusan, pembangunan kilang mengajar masih memerlukan perhatian yang teliti dan arah tuju penyelidikan juga perlu dikenal pasti dengan jelas. Oleh yang demikian, saya berharap staf akademik pusat pengajian akan terus bersemangat untuk menyumbangkan tenaga ke arah memantapkan kesemua perancangan kini dan masa hadapan. Staf bukan akademik juga haruslah memberikan sokongan penuh kepada rakan-rakan staf akademik dan mereka harus sedar yang mereka juga adalah sama penting dalam menaikkan prestasi pusat pengajian ini dan KUKUM.

Harapan saya untuk para penuntut pusat pengajian pula, saya panggil penuntut kerana saya mahu mereka berusaha untuk mendapatkan ilmu dan bukannya sekadar mengharap sumber pengetahuan dari pensyarah-pensyarah sahaja. Terus berusaha dan manfaatkan segala kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti. Pelajar-pelajar juga haruslah sedar bahawa pihak Universiti terutamanya pihak pengurusan tertinggi KUKUM sentiasa prihatin dengan keperluan pelajar-pelajar dan sentiasa berusaha dalam memastikan pelajar-pelajar cemerlang dalam akademik. Renungkanlah kemampuan diri dan teruskan usaha untuk mengisi kekurangan yang ada.



Hubungan yang baik di antara staf adalah amat penting bagi menjadikan sesebuah organisasi itu berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan...